KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEWSLETTER

# BENCANA BANJIR
## BINTULU : FAKTA DAN ANGKA




## LATAR BELAKANG

- Bintulu pada asalnya merupakan sebuah perkampungan nelayan yang kecil dan terletak di tengah-tengah Negeri Sarawak. Pada 1 Januari 1987, Bintulu telah diisytiharkan sebagai sebuah Bahagian di Negeri Sarawak yang kemudiannya telah bertukar wajah kepada sebuah bandar perindustrian yang dikenali di Malaysia susulan daripada aktiviti-aktiviti penemuan Petroleum dan Gas.

- Bintulu terletak di utara Sarawak bersempadan dengan Bahagian Sibu, Miri, Kapit dan Mukah.

- Terjadinya banjir di kawasan ini dipengaruhi oleh faktor hujan berterusan dalam tempoh masa singkat yang seterusnya menyebabkan berlaku limpahan sungai.

Sumber: 1. https://bintulu.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/128
2. https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/30/hujan-lebat-mencecah-400-mm-punca-utama-banjir-di-bintulu



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# MENGIMBAS BANJIR BESAR DI BINTULU, SARAWAK



## BANJIR TAHUN 2019

Sumber: https://www.utusanborneo.com.my/2019/04/26/dua-bayi-lelaki-antara-yang-dipindahkan-ekoran-banjir-kilat-di-bintulu

Seramai 21 penduduk termasuk dua bayi lelaki antara yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Kampung Jabai ekoran kediaman mereka dinaiki air setinggi dua ke tiga kaki, akibat banjir kilat.



## BANJIR TAHUN 2020

Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/128-mangsa-banjir-dipindahkan-ke-stadium-muhibbah-bintulu-270588

Seramai 128 penduduk dari tiga kawasan di Bintulu iaitu kawasan setinggan Sungai Sebatang, Sungai Plan dan Kampung Avenue telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Stadium Muhibbah Bintulu kerana terjejas dengan banjir kilat.



## BANJIR TAHUN 2022

Sumber :https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bintulu-dilanda-banjir-kilat-satu-pps-dibuka-388854

Seramai 71 mangsa banjir melibatkan 24 keluarga dari lima buah kampung di Bintulu telah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Suarah Bintulu selepas kediaman mereka dinaiki air.

# HIDROGRAF STESEN




Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Kuala Binyo, Bintulu telah meningkat kepada paras bahaya pada 30 Januari 2025.




Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Tubau, Bintulu telah meningkat kepada paras bahaya pada 29 Januari 2025.

Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/?state=SRK



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

DAERAH : BINTULU

# RAMALAN CUACA

| TARIKH | CUACA | RAMALAN |
|---|---|---|
| 03/02/2025 Isnin | Ribut petir di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Ribut petir di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 04/02/2025 Selasa | Ribut petir di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Ribut petir di beberapa tempat<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 05/02/2025 Rabu | Ribut petir di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Ribut petir di beberapa tempat<br>**Malam:** Tiada hujan<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 06/02/2025 Khamis | Tiada hujan | **Pagi:** Tiada hujan<br>**Petang:** Tiada hujan<br>**Malam:** Tiada hujan<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 07/02/2025 Jumaat | Ribut petir di beberapa tempat | **Pagi:** Tiada hujan<br>**Petang:** Ribut petir di beberapa tempat<br>**Malam:** Tiada hujan<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 08/02/2025 Sabtu | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Tiada hujan<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |
| 09/02/2025 Ahad | Hujan di beberapa tempat | **Pagi:** Hujan di beberapa tempat<br>**Petang:** Tiada hujan<br>**Malam:** Hujan di beberapa tempat<br>**Min:** 24°C<br>**Maks:** 33°C |

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# BANJIR 2025

➢ Sejumlah 6 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di Bintulu sehingga 3 Februari 2025 adalah seperti berikut:

## PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT DAERAH DAN *HOTSPOT* PPS




## Bilangan Mangsa di PPS

2,954

1,016

369

## Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

| DAERAH BINTULU |
|---|
| • PPS PARAGON |
| • DEWAN MUHIBAH/STADIUM |
| • PPS DEWAN SUARAH |
| • DEWAN SMK ASSYAKIRIN, SG PLAN |
| • DEWAN SUKAN KIDURONG |
| • BALAI RAYA KAMPUNG JEPAK |

Sumber: https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/landing/



Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183320/banjir-rumah-panjang-malo-seakan-pulau



Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183320/banjir-rumah-panjang-malo-seakan-pulau



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# IMPAK BANJIR

TERKINI

## Bintulu dilanda banjir, rumah penduduk tenggelam

Oleh CHERINE JON 29 Januari 2025, 2:03 pm



BINTULU – Hujan lebat tanpa henti dan fenomena air pasang besar menyebabkan banjir luar biasa melanda daerah ini menenggelamkan kediaman serta memaksa ratusan penduduk berpindah.

Ia juga menjadikan bahagian ini paling teruk terjejas di Sarawak setakat ini, ditambah lagi dengan beberapa kejadian tanah runtuh yang mengancam keselamatan penduduk.

Ketika ini, seramai 193 mangsa daripada 53 keluarga telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Pusat Sukan BDA Kidurong.

Sumber https://www.kosmo.com.my/2025/01/29/bintulu-dilanda-banjir-rumah-penduduk-tenggelam/

## Banjir Bintulu: Aki hilang punca rezeki, bot bawa cucu ke sekolah

*By* ***Douglas Elliot*** **#bm, Berita Sarawak February 2, 2025 3:17 PM**




BINTULU, 2 Feb: Sudah jatuh ditimpa tangga, seorang warga emas di sini terpaksa menahan sebak mengenang nasib setelah rumah dan bot yang digunakan sebagai mata pencarian utama musnah akibat banjir.

Lebih menyayat hati, bot milik Awau Enchol, 71, karam semasa dia sedang membantu memindahkan mangsa banjir di kawasan Kemunting.

"Cucu-cucu yang ke sekolah, saya yang hantar setiap pagi. Kini bot dan enjin bot sudah tiada. Saya tidak tahu macam mana mahu menghantar mereka kelak," katanya ketika ditemui TVS di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Suarah di sini, semalam.

Sumber https://www.tvsarawak.my/2025/02/02/banjir-bintulu-aki-hilang-punca-rezeki-bot-bawa-cucu-ke-sekolah/

## Banjir Bintulu: Kawasan perindustrian terjejas, beberapa syarikat henti operasi sementara

*By* ***Luqman Muhammad*** **#bm, Berita Sarawak, Highlight January 29, 2025 11:28 PM**



KUCHING, 29 Jan: Bencana banjir yang melanda Bintulu ketika ini semakin membimbangkan hingga beberapa buah syarikat di kawasan perindustrian terpaksa menghentikan pengoperasian, kata Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Menurut beliau tindakan sedemikian bagi memastikan keselamatan dan mengelakkan sebarang risiko berbahaya menimpa para pekerja.

"Pihak pentadbiran kerajaan negeri yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak kini berada di Miri dan Bintulu bagi menilai serta memantau perkembangan terkini di kawasan yang terjejas", kata Abang Johari ketika ditemui pemberita selepas mengadakan kunjungan Tahun Baru Cina 2025 di kediaman tokoh perniagaan, Dato Goh Leng Chua di Jalan Tan Sri Datuk William Tan di sini, malam ini.

Sumber https://www.tvsarawak.my/2025/01/29/banjir-bintulu-kawasan-perindustrian-terjejas-beberapa-syarikat-henti-operasi-sementara/

## Jurutera rugi lebih RM30,000 akibat banjir di Bintulu

BERNAMA



Bintulu: Malam 29 Januari lalu menjadi tarikh yang tidak dapat dilupakan buat Hazzaid Abdul Muin apabila air dengan cepat memasuki rumahnya di Taman Sebiew Indah, di sini.

Jurutera berusia 36 tahun itu menyifatkan situasi itu sama seperti adegan filem apabila beliau berdepan detik cemas untuk menyelamatkan keluarganya sebelum air memenuhi ruang rumah.

"Kita memang terkejut semasa air mula naik pada sekitar 6 pagi (29 Jan) dan kita ingat akan surut tetapi hujan berterusan. Selepas itu sekitar 11 pagi bot bantuan datang untuk memindahkan semua orang," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, banjir yang mula surut pada Jumaat telah menyebabkan beliau kerugian lebih RM30,000.

Sumber https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183607/jurutera-rugi-lebih-rm30000-akibat-banjir-di-bintulu#google_vignette

# PROFIL DEMOGRAFI

| | 2024 | 2020 |
|---|---|---|
| PENDUDUK | 188.9 ribu | 178.6 ribu |
| TEMPAT KEDIAMAN | 50.9 ribu | 47.0 ribu |
| ISI RUMAH | 45.5 ribu | 42.8 ribu |
| UMUR 0-14 | 39.3 ribu | 43.1 ribu |
| UMUR 15-64 | 142.0 ribu | 129.9 ribu |
| UMUR 60+ | 13.9 ribu | 10.1 ribu |
| UMUR 65+ | 7.6 ribu | 5.7 ribu |
| NISBAH JANTINA | 119 | 118 |

Lelaki bagi setiap 100 perempuan

| | 2023 | 2020 |
|---|---|---|
| KELAHIRAN | 2,095 | 2,487 |
| KEMATIAN | 529 | 602 |
| PERKAHWINAN | 968 | 826 |
| PERCERAIAN | 257 | 205 |

**PUNCA KEMATIAN** (2023)

| | |
|---|---|
| 1. *ISCHAEMIC HEART DISEASES* | 27 |
| 2. *PNEUMONIA* | 21 |
| 3. CEREBROVASCULAR DISEASES | 19 |

**PARAS PERBANDARAN**: 2020 — 85.7%

**KEPADATAN**: 2024 — 95/km²

Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Bintulu
2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Sarawak, 2024
3. Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia, 2020 & 2024
4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, BINTULU

## PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

| | PURATA (RM) | PENENGAH (RM) |
|---|---|---|
| JUMLAH | 9,645 | 8,567 |

## RUMAH IBADAT

22 MASJID

6 TOKONG

0 KUIL

30 GEREJA

## KESIHATAN

1 HOSPITAL KERAJAAN

5 KLINIK KERAJAAN

## GUNA TENAGA

2.4% KADAR PENGANGGURAN

71.8% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

## KESELAMATAN

1 IPD

4 BALAI POLIS

3 BALAI BOMBA

## PENDIDIKAN

26 SEKOLAH RENDAH

7 SEKOLAH MENENGAH

Sumber : My Local Stats, Bintulu, Sarawak, 2023

## PAKW, 2023

Bandar

RM 4,472

MyPAKW

Luar Bandar

RM 4,388

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Sarawak, 2023

## KDNK, 2020

(RM Juta)

RM 35,248

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran Bintulu, Sarawak, 2015 - 2020

# BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, BINTULU

**SEKTOR**

| Sektor | Bilangan |
| --- | --- |
| PEMBINAAN | 387 |
| PEMBUATAN | 227 |
| PERKHIDMATAN | 3,806 |
| PERLOMBONGAN &PENGKUARIAN | 16 |
| PERTANIAN | 131 |

Sumber: *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)*, 2024



@StatsMalaysia
MALAYSIA MADANI ihsan
ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN
20 Oktober
2016 - 2030

# LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

## NILAI KERUGIAN BANJIR KESELURUHAN

| 2023 | 2024 |
|---|---|
| RM755.4 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

| Negeri | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| JOHOR | RM275.0 juta | ? |
| KELANTAN | RM139.7 juta | ? |
| TERENGGANU | RM77.7 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH

| 2023 | 2024 |
|---|---|
| BATU PAHAT RM104.8 juta | ? |
| SEGAMAT RM54.6 juta | ? |
| PASIR MAS RM26.8 juta | ? |

## NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

| | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| TEMPAT KEDIAMAN | RM168.3 juta | ? |
| KENDERAAN | RM22.3 juta | ? |
| PREMIS PERNIAGAAN | RM53.2 juta | ? |
| PEMBUATAN | RM10.3 juta | ? |
| PERTANIAN | RM120.6 juta | ? |
| ASET AWAM & INFRASTRUKTUR | RM380.7 juta | ? |

10 MAC 2025

2024

LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



@StatsMalaysia

MALAYSIA MADANI ihsan

ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

20 Oktober

2016 - 2030

# PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK




OpenDOSM



Kawasanku




MyLocal Stats




SDG




MyDemography




MyAgeing Dashboard




MyPAKW




Portal Bencana NADMA